



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 26 Ogos 2025.

Untuk Terbitan Media  
26 Ogos 2025

## SIARAN MEDIA

### RUU PEKERJA GIG 2025 PEMANGKIN RAPATKAN JURANGKAN KEADILAN SOSIAL

**KUALA LUMPUR:** Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 diyakini mampu merapatkan jurang keadilan sosial yang kian meruncing di sektor tidak formal.

PERKESO menerusi kenyataan menjelaskan bahawa nasib lebih 1.2 juta penggiat gig di negara ini yang bersabung nyawa mencari pendapatan seharian tidak diimbangi dengan kepentingan jaringan perlindungan sosial yang mandatori.

Berdasarkan statistik LINDUNG KENDIRI (Akta 789) untuk tempoh sepanjang 2024, hanya **304,625 penggiat gig** dikesan aktif mencarum, sekali gus menandakan hanya **25.4 peratus** mendapat perlindungan keselamatan sosial yang merupakan hak asasi manusia.

Meskipun merupakan sebahagian kecil daripada jumlah pencarum, penerima faedah dalam kalangan penggiat gig mewakili **28.6 peratus daripada keseluruhan jumlah penyaluran faedah menerusi Akta 789** bagi tempoh sama.

“Angka ini mencerminkan keperluan mendesak terhadap perlindungan sosial yang amat kritikal bagi komuniti penggiat gig.

“Justeru, pembentangan RUU Pekerja Gig 2025 adalah langkah bersejarah yang sejajar agenda penjenamaan LINDUNG meliputi hak, kebajikan dan maruah mereka sebagai antara penggerak utama ekonomi digital negara,” menurut kenyataan yang dikeluarkan, hari ini.

Menerusi penguatkuasaan kerangka perundangan ini selepas digazetkan kelak, penggiat gig akan menikmati perlindungan setara pekerja formal, seiring prinsip *karamah insaniah* yang mengangkat martabat insan tanpa mengira bentuk pekerjaan.

Bersandarkan pendekatan perlindungan sosial mandatori, pekerja gig bakal menikmati lapan jenis faedah yang diperuntukkan melalui LINDUNG KENDIRI, termasuk akses kepada perkhidmatan rehabilitasi dan penggantian pendapatan jika mengalami bencana kerja.

**##TAMAT##**

## **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkuatkan peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkuatkan kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**26 Ogos 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)